

Sejarah panjang Sungai Klang

ALIRAN sungai sepanjang 120 kilometer (km) mengunjur dari tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur sehinggalah ke Pelabuhan Klang menjadikan Sungai Klang antara sungai yang mempunyai peranan terpenting dalam aspek kehidupan masyarakat di Selangor.

Peranan itu sebenarnya telahpun bermula sejak beribu tahun lamanya apabila bukti sejarah menunjukkan wujud penempatan manusia di sepanjang sungai itu sejak 4,500 tahun lampau.

Penemuan secara tidak sengaja artifak-artifak purba di sekitar bandar Klang dan berdekatan

Sungai Klang menunjukkan telah wujud penempatan yang menjadikan sungai sebagai nadi kehidupan ketika itu.

Menurut Pengkaji Sejarah Selangor, **Faisal Surani**, Sungai Klang memisahkan bandar Klang kepada dua bahagian iaitu Klang Utara dan Klang Selatan. Hasil utama di sekitar lembangan sungai ini adalah bijih timah yang diusahakan sejak awal abad ke-14 sehingga ke abad 20.

"Malah pada abad ke-19, Sungai Klang merupakan kawasan perlombongan utama bijih timah

dengan pengeluaran sebanyak 2,000 pikul setahun ketika itu. Orang keturunan Mandailing yang banyak mengusahakan bijih timah di sini kerana mereka memang amat terkenal sebagai pelombong yang mahir," katanya kepada **S2**.

Faisal berkata, peranan Sungai Klang sudah wujud begitu lama sehingga ia menjadi pusat penempatan, pengangkutan dan perhubungan kepada manusia daripada generasi ke generasi seterusnya. Sehingga hari ini sungai itu masih lagi mempunyai kepentingan kepada masyarakat Selangor.



FAISAL SURANI

Katanya, peredaran zaman telah menyaksikan

banyak perubahan berlaku terhadap Sungai Klang terutama bentuk geografinya. Menurutnya, aliran Sungai Klang sudah tidak sama kerana berubah sejak 500 tahun lalu.

"Contohnya di dalam bandar raya Kuala Lumpur sendiri, aliran Sungai Klang yang ada pada hari ini sebenarnya sudah diubah mungkin pada zaman Perang Klang dan



Malah pada abad ke-19, Sungai Klang merupakan kawasan perlombongan utama bijih timah dengan pengeluaran sebanyak 2,000 pikul setahun ketika itu...

FAISAL SURANI

zaman penjajahan British dahulu ekoran aktiviti perlombongan," katanya.

Menurutnya, ada antara jalan-jalan di dalam bandar raya Kuala Lumpur dahulunya merupakan aliran dari Sungai Klang itu sendiri.

Tambahnya, orang-orang berketurunan Mandailing yang banyak datang

ke Kuala Lumpur ketika itu untuk melakukan aktiviti melombong bijih timah di sekitar Jalan Masjid India dan kawasan berdekatan. Sementara orang berketurunan Minangkabau pula lebih ramai mendiami di tepi-tepi Sungai Klang sehingga ke hari ini.

Katanya, itu adalah kawasan asal bagaimana Kuala Lumpur terbentuk. Lebih menarik, kawasan Dataran Merdeka juga merupakan sebuah paya yang telah ditambah oleh pihak British suatu masa dahulu.

Faisal berkata, banyak kampung-kampung tradisi yang wujud di sekitar Sungai Klang seperti di Kapar dan Pulau Indah.

Lebih menarik, katanya, berdekatan dengan Sungai Klang iaitu di sekitar Pandamaran juga terdapat satu landasan kapal terbang yang dibina ketika zaman penjajahan British namun ramai yang tidak mengetahui mengenai perkara itu.

"Kawasan lapangan terbang di situ kini sudah menjadi sekolah dan padang. Selepas Jepun menduduki Tanah Melayu, lapangan terbang itu masih wujud namun kini ia sudah dijadikan jalan raya," katanya.

Menyentuh mengenai pelabuhan



Batu merupakan pelabuhan utama dan menjadi pusat perdagangan termasuklah pemunggaan hasil bijih timah di Bandar Klang. Namun, fungsi pelabuhan di situ mulai merosot setelah British

membina jambatan Belfield yang menghubungkan Klang Utara dan Klang Selatan.

"Pelabuhan yang baharu di Kuala Klang kemudian dicadangkan oleh Sir Frank Swettenham pada 1893 tetapi hanya dibina pada 1900 setelah landasan kereta api dari bandar Klang ke Kuala Klang dibina pada 1889," katanya.

Beliau berkata, Pelabuhan Swettenham kemudian dibuka secara rasmi pada 15 September 1901. Pelabuhan itu ditukar nama kepada Pelabuhan Klang selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Katanya, sehingga kini peranan Sungai Klang kepada masyarakat malah flora dan fauna di sekitarnya tidak pernah putus. Sejarah panjang Sungai Klang membuktikan betapa aliran sungai itu amat penting kepada manusia sejak berabad lamanya.



KEADAAN sekitar Pengkalan Batu yang pernah menjadi pelabuhan utama di Sungai Klang suatu ketika dahulu.